MOHAMMAD SYAFIQ SHAH DAHLI lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
CHE MOHD RUZIMA GHAZALI HMR
AZMAN ABDULLAH HMR
AZHAHARI KAMAL RAMLI HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: B-05(SH)-465-10-2024]
17 JUN 2025

Abstrak – *Mahkamah mempunyai tanggungjawab kehakiman untuk memberikan keadilan dan tanggungjawab itu perlu dilaksanakan dengan teliti. Mahkamah perlu menganalisis dan memberi pertimbangan sewajarnya terhadap kesemua isu-isu yang dibangkitkan dalam perbicaraan jenayah, khususnya, pembelaan yang dibangkitkan oleh tertuduh. Jika isu-isu yang dibangkitkan tertuduh diabaikan, mahkamah perlu memberi penjelasan mengapa itu dibuat. Kegagalan membuat analisis dengan sewajarnya terhadap kesemua isu yang dibangkitkan akan menjurus pada salah arahan yang ditakuti akan memberi impak besar ke atas perbicaraan.*

PROSEDUR JENAYAH: *Perbicaraan – Kes prima facie – Pertuduhan atas kesalahan pengedaran dadah berbahaya – Sama ada isu-isu yang dibangkitkan di peringkat pendakwaan dinilai sewajarnya – Sama ada hakim bicara konsisten dalam dapatan di akhir kes pendakwaan – Sama ada ketiadaan arahan jelas oleh hakim bicara di akhir kes pendakwaan memprejudis hak tertuduh untuk mendapat makluman awal tentang pembelaan – Sama ada terdapat kecelaruan serius dalam dapatan hakim – Sama ada terjumlah pada salah arahan serius – Sama ada salah arahan boleh dipulihkan*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 – Pengedaran dadah – Elemen-elemen kesalahan – Sama ada tertuduh dibuktikan mempunyai kawalan dan jagaan – Sama ada percanggahan berkait penemuan dadah dijelaskan – Sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan tentang dadah yang ditemui – Sama ada keterangan sokongan selari dengan dapatan hakim bicara – Sama ada pembelaan satu fikiran semula atau penafian semata-mata – Sama ada sabitan dan hukuman selamat*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 – Pengedaran – Pembuktian kesalahan – Sama ada fakta-fakta pembelaan diberi pertimbangan sewajarnya – Sama ada hakim bicara membuat analisis terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam pembelaan perayu – Sama ada keterangan sokongan dipanggil untuk menyingkir keraguan dalam keterangan saksi – Sama ada kredibiliti saksi dicabar – Sama ada kegagalan memanggil saksi penting mewajarkan pemakaian inferens bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 – Sama ada tertuduh berjaya menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan – Sama ada wujud kecelaruan serius dalam dapatan hakim bicara – Sama ada tertuduh diprejudis*

Perayu ('OKT') dituduh mengedar dadah berbahaya jenis kanabis seberat 237g, satu kesalahan menurut s. 39B(1)(a) dan boleh dihukum bawah s. 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Kes pendakwaan adalah, semasa Koperal Noor Azmi ('SP5') bersama-sama Lans Koperal Shafren Fahmi ('L/K Shafren') menjalankan tugas rondaan, mereka menahan seorang lelaki yang mencurigakan yang memandu kenderaan jenis Hilux hitam. Setelah memperkenalkan diri sebagai anggota polis, SP5 melakukan pemeriksaan fizikal terhadap OKT. Apabila ditanya SP5 sama ada OKT ada menyimpan apa-apa barang salah, OKT dengan sendiri mengambil satu paket plastik lutsinar (eksh. P7) berisi ketulan mampat dedaun kering yang disyaki dadah jenis kanabis seberat lebih kurang 255g dari atas tempat duduk penumpang bahagian hadapan Hilux hitam itu. Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT'), setelah mendapati bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan satu kes *prima facie*, memanggil OKT membela diri. Pembelaan OKT adalah bahawa dia memandu Hilux hitam milik majikannya semasa ditahan polis. Dia mendakwa dia tidak tahu sebab penahanan dan menyatakan bahawa dua anggota polis telah memeriksa kenderaannya tanpa kehadirannya. Dua anggota polis tersebut mendakwa mereka menemui satu bungkusan di bawah kerusi penumpang. Dia digari dan polis meletakkan bungkusan tersebut di atas ribanya lalu mengambil gambar. OKT juga mendakwa polis meminta wang sebanyak RM100,000 untuk menyelesaikan kes pengedaran dadah. Oleh itu, OKT menghubungi sepupunya ('SD2') untuk mendapatkan wang yang diminta oleh polis tetapi SD2 gagal mendapatkan wang yang mencukupi untuk memenuhi permintaan polis. Dakwaan OKT ini disokong oleh SD2 dan bukti panggilan telefon serta rakaman suara. Di samping itu, OKT turut bergantung pada surat akuan bersumpah dalam pembelaannya. Di akhir kes pembelaan, HMT mendapati pembelaan OKT bersifat pemikiran kemudian dan penafian kosong semata-mata. Selaras dengan itu, HMT mendapati OKT gagal mematahkan anggapan undang-undang yang terpakai pada isu milikan dan pengetahuan barang kes menurut perenggan 37(d) ADB. OKT juga didapati gagal, atas imbangan kebarangkalian, untuk menimbulkan keraguan munasabah bagi menunjukkan dia tidak terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah seperti yang ditakrifkan menurut s. 2 ADB. Oleh itu, OKT didapati gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes terhadap OKT melampaui keraguan munasabah. OKT disabitkan atas pertuduhan dan dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup iaitu 30 tahun dari tarikh tangkap dan 12 kali sebatan rotan. Oleh itu, rayuan ini oleh OKT atas tiga isu utama: (i) milikan barang kes yang didakwa diberikan sendiri oleh OKT kepada SP5; (ii) dapatan HMT di akhir kes pendakwaan berkaitan hak OKT membela diri terhadap pembuktian inti pati pertuduhan iaitu milikan dan pengedaran barang kes; dan (iii) penilaian HMT terhadap pembelaan OKT.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengetepikan sabitan dan hukuman) Oleh Che Mohd Ruzima Ghazali HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) OKT telah membangkitkan isu-isu berkaitan penemuan barang kes di peringkat pendakwaan. Namun, tiada apa-apa analisis dibuat oleh HMT terhadap isu-isu tersebut. Sebaliknya, HMT menerima bulat-bulat keterangan SP5 dan merumuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan OKT mempunyai kawalan dan jagaan terhadap barang kes. Tiada apa-apa alasan diberikan untuk menjelaskan mengapa isu-isu yang dibangkitkan OKT itu dipinggirkan. Oleh itu, HMT didapati mengabaikan tanggungjawab kehakiman untuk memberikan keadilan kepada pihak OKT apabila gagal membuat analisis dan memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap isu-isu yang dibangkitkan itu. (perenggan 22 & 23)

(2) Semasa menyoal balas SP5, soalan-soalan yang dicadangkan mencabar kredibiliti SP5 berhubung penemuan barang kes, dengan itu, mewajarkan keterangan SP5 dinilai dengan lebih teliti. Tambahan lagi, keterangan yang berbentuk 'too good to be true' serta keterangan yang tidak konsisten oleh SP5, antara lain, berkaitan penemuan barang kes, perbezaan versi dalam dua laporan polis dan apa yang dicatatkan dalam borang senarai bongkar yang gagal diberi penjelasan yang memuaskan oleh SP5, pasti menimbulkan keraguan munasabah dalam minda hakim yang membuat penilaian di akhir kes pendakwaan. Pihak pendakwaan sepatutnya memanggil keterangan sokongan yang mampu menyingkirkan keraguan yang berbangkit daripada keterangan SP5. Tanpa keterangan sokongan, apa-apa keraguan yang munasabah akan berpihak pada OKT. (perenggan 26, 30, 36 & 37)

(3) L/K Shafren ialah seorang saksi penting yang dapat memperbaiki segala kekurangan atau sekurang-kurangnya dapat memberi pencerahan pada fakta yang masih samar-samar berbangkit daripada keterangan SP5. Kegagalan pihak pendakwaan memanggil L/K Shafren menimbulkan spekulasi sama ada versi penemuan barang kes yang diberikan oleh SP5 betul-betul berlaku seperti yang dinyatakan dalam keterangannya ketika perbicaraan, atau mungkin ada versi lain yang mungkin berpihak pada OKT. Oleh itu, inferens yang bertentangan menurut s. 114(g) Akta Keterangan 1950 dan faedah inferens tersebut diputuskan berpihak pada OKT. Isu mengenai penemuan barang kes yang boleh menentukan inti pati penting pertuduhan iaitu milikan barang kes tidak berpihak pada PP. Sebaliknya, OKT berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap versi penemuan barang. (perenggan 39, 41 & 42)

(4) Hakim Mahkamah Tinggi tidak konsisten dalam dapatan beliau di akhir kes pendakwaan. Wujud kecelaruan serius dalam dapatan HMT yang menimbulkan prejudis pada OKT kerana itu akan melibatkan tahap pembelaan yang perlu dikemukakan OKT. Setelah membuat semua analisis yang menjurus pada dapatan berasaskan keterangan langsung terhadap isu milikan barang kes oleh OKT, HMT membuat dapatan bahawa PP berjaya membuktikan inti pati pemilikan berdasarkan anggapan undang-undang menurut perenggan 37(d) ADB untuk menunjukkan OKT ada pengetahuan terhadap barang kes. Kecelaruan dapatan ini terjumlah pada salah arahan yang tidak boleh dipulihkan kerana itu akan memberi impak besar pada pertimbangan HMT di akhir kes pembelaan. (perenggan 44-46)

(5) Nota keterangan ('NK') tidak selari dengan apa yang ditulis oleh HMT dalam alasan penghakiman. Dalam NK, HMT tidak langsung menyatakan sama ada anggapan undang-undang yang perlu disangkal pada tahap imbangan kebarangkalian terpakai pada kes pembelaan OKT. Berasaskan apa yang dicatatkan dalam NK, tiada arahan jelas oleh HMT terhadap OKT di akhir kes pendakwaan. Oleh itu, hak OKT untuk mendapatkan makluman awal perihal pembelaannya telah diprejudiskan. OKT diletakkan dalam keadaan tertanya-tanya sama ada perlu hanya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pihak pendakwaan atau pun perlu menunjukkan pembelaan atas imbangan kebarangkalian untuk mematahkan anggapan menurut undang-undang. Ketiadaan arahan tersebut terjumlah pada satu salah arahan yang serius. (perenggan 47 & 49)

(6) Dapatan HMT bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan elemen pengedaran dadah berbahaya menurut s. 2 ADB merujuk pada perbuatan 'concealing, keeping' barang kes oleh OKT di dalam Hilux hitam jelas bercanggah dengan dapatan HMT sebelumnya bahawa barang kes diserahkan sendiri oleh OKT. Tiada apa-apa keterangan daripada mana-mana saksi PP yang menunjukkan bahawa OKT telah menyorok atau menyimpan barang kes di dalam Hilux hitam untuk memenuhi kehendak tafsiran 'mengedar' iaitu 'concealing, keeping' barang kes. Oleh itu, wujud kecelaruan atau ketidaktentuan arahan dalam dapatan dan keputusan HMT yang memprejudiskan hak OKT untuk mendapatkan perbicaraan yang adil. OKT sepatutnya tidak dipanggil membela diri. (perenggan 50-52)

(7) Dapatan HMT yang menyatakan pembelaan OKT bersifat fikiran semula tidak berasas dan adalah satu salah arahan yang memprejudis pembelaan OKT. Fakta-fakta pembelaan OKT telah dikemukakan semasa SP5 dan SP7 disoal balas. Tambahan lagi, kesimpulan HMT bahawa pembelaan OKT bersifat penafian semata-mata ternyata silap dan tidak perlu. Apabila ada keterangan sokongan dikemukakan untuk

menyokong kewujudan satu fakta pembelaan, tidak wujud lagi pembelaan berbentuk penafian semata-mata. Selain OKT, pihak pembelaan memanggil saksi SD2 untuk menyokong keterangan OKT. Hakim Mahkamah Tinggi juga telah membuat analisis terhadap pembelaan OKT. Oleh itu, sabitan terhadap OKT diputuskan tidak selamat dan sabitan dan hukuman terhadap OKT diketepikan. OKT diperintahkan agar dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan. (perenggan 57-61)

English *Headnotes*

The appellant ('accused') was charged for trafficking in dangerous drugs, *to wit*, cannabis, weighing 237g, an offence under s. 39B(1)(a) and punishable under s. 39B(2) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). The prosecution's case revealed that, while Corporal Noor Azmi ('SP5') together with Lans Corporal Shafren Fahmi ('L/K Shafren') were on duty doing their rounds, they stopped a man who looked suspicious to them, driving a black Hilux. Upon being questioned by SP5 whether the accused had kept anything incriminating, the accused himself took out a transparent plastic packet containing compressed slab of dried leaves suspected to be cannabis weighing approximately 255g from the front passenger's seat of the black Hilux. The High Court Judge ('HCJ'), upon finding that the prosecution had established a *prima facie* case, called the accused to enter his defence. The defence of the accused was that he was driving the black Hilux belonging to his employer when he was stopped by the police. The accused alleged that he had no knowledge of the reason of his arrest and stated that two policemen had inspected his vehicle without his presence. The two policemen alleged that they had found a package under the passenger's seat. He was handcuffed and the police placed the package on his lap and took photograph of this. The accused also alleged that the police had asked for a sum of RM100,000 to settle the drug trafficking case. Thus, the accused called his cousin ('SD2') for the purpose of getting the money asked by the police but SD2 failed to get sufficient sum to fulfil the request by the police. The allegation by the accused was corroborated by SD2 and the evidence of phone calls and voice recording. The accused also relied on a statutory declaration in his defence. At the end of the defence case, the HCJ found that the defence of the accused was an afterthought and a bare denial. Hence, the HCJ found the accused failed to rebut the statutory presumption applicable to the issues of possession and knowledge of the case material pursuant to para. 37(d) of the DDA. The accused was also found to have failed, on the balance of probabilities, to raise a reasonable doubt to show that he was not involved in drug trafficking activities as defined under s. 2 of the DDA. Therefore, the accused was found to have failed to raise reasonable doubt against the prosecution's case and the prosecution had proven its case against the accused beyond reasonable doubt. The accused was convicted of the charge and was

A sentenced to life imprisonment, *ie*, 30 years from the date of his arrest and 12 strokes of whipping. Hence, this appeal by the accused concerning three main issues: (i) possession of the case materials that were alleged to have been handed by the accused himself to SP5; (ii) findings of the HCJ, at the end of the prosecution's case, in relation to the right of the accused to defend
B himself against the proof of elements of charge, *ie*, possession and trafficking of the case materials; and (iii) the HCJ's assessment of the defence of the accused.

Held (allowing appeal; setting aside conviction and sentence)
Per Che Mohd Ruzima Ghazali JCA delivering the judgment of the court:

C
(1) The accused had raised the issues pertaining to the discovery of the case material at the prosecution's stage. However, no analysis was done by the HCJ on those issues. Instead, the HCJ outrightly accepted SP5's evidence and concluded that the prosecution had established that the accused had control and custody of the case materials. No reasons were
D given to explain as to why the issues raised by the accused were sidelined. Therefore, the HCJ was found to have neglected his judicial duty to do justice to the accused when the HCJ failed to analyse and give due consideration to the issues raised.

E
(2) During the cross-examination of SP5, the questions put to SP5 challenged his credibility in relation to the discovery of the case materials, thus warranting SP5's evidence to be carefully assessed. Further, the evidence which sounded too good to be true and inconsistent testimonies by SP5, amongst others, relating to the discovery of the case materials, contradictory versions in two police
F reports and what was stated in the search list form that SP5 failed to satisfactorily explain, should have raised reasonable doubts in the mind of the judge in his evaluation at the end of the prosecution's case. The prosecution should have called for corroborative evidence which could have eliminated the doubts that arose from SP5's evidence. Without
G such corroborative evidence, any reasonable doubt would be in favour of the accused.

(3) L/K Shafren was an important witness who could have improved the shortcomings or, at least, shed some light to the facts that were still ambiguous that arose from SP5's testimony. The failure to call L/K
H Shafren raised speculations as to whether the version on discovery of case materials by SP5 was exactly what had happened as stated in his testimony during trial or if there were any other version that was in favour of the accused. Therefore, an adverse inference pursuant s. 114(g) of the Evidence Act 1950 and the benefit of the inference was decided
I in favour of the accused. The issue pertaining to the discovery of case materials which would decide the important element of the charge, *ie*,

possession of the case materials was not in favour of the prosecution. On the other hand, the accused had successfully raised a reasonable doubt against the versions as to the discovery of case materials.

(4) The HCJ was not consistent in the findings at the end of the prosecution's case. There were serious uncertainties in the HCJ's findings that caused prejudis to the accused because it would affect the degree of defence to be adduced by the accused. Upon analysis that led to the findings based on direct evidence on the issue of possession by the accused, the HCJ made a finding that the prosecution had successfully proven the elements of possession based on the statutory presumption pursuant to paras. 37(d) of the DDA to show that the accused had knowledge of the case materials. The uncertainty in these findings amounted to misdirection that was not curable as that would give a great impact on the HCJ's consideration at the end of the defence case.

(5) The notes of evidence ('NOE') were not consistent with what was written by the HCJ in the grounds of judgment. In the NOE, the HCJ did not at all state whether the statutory presumption that ought to be rebutted on the balance of probabilities was applicable to the defence case of the accused. Based on what was stated in the NOE, there was no clear direction by the HCJ to the accused at the end of the prosecution case. Hence, the right of the accused to receive an early notice as to his defence had been prejudiced. The accused was put in doubt as to whether he only need to raise a reasonable doubt on the prosecution's case or show a defence on a balance of probabilities to rebut the statutory presumption. This non-direction amounted to a serious misdirection.

(6) The HCJ's findings that the prosecution had established the element of trafficking in dangerous drugs pursuant to s. 2 of the DDA by referring to the act of 'concealing, keeping' of the case material by the accused in the black Hilux clearly contradicted with the HCJ's earlier finding that the case material had been handed by the accused himself. There was no evidence from any of the prosecution witnesses to show that the accused had concealed or kept the case material in the black Hilux to fulfil the requirement of the definition of 'trafficking', *ie*, 'concealing, keeping' of the case material. Hence, there existed inconsistencies or uncertainty in direction in the finding and decision of the HCJ that caused prejudice to the right of the accused to fair trial. The accused should not have been called to enter his defence.

(7) The findings of the HCJ who stated that the defence of the accused was an afterthought was unfounded and was a misdirection that prejudiced his defence. The facts of the defence of the accused had been adduced when SP5 and SP7 was cross-examined. Further, the HCJ's conclusion

A that the defence of the accused was merely a bare denial was clearly a mistake and unnecessary. When there is corroborative evidence adduced to support the existence of a fact of defence, the defence is no longer a bare denial. Other than the accused, the defence had called SD2 to corroborate the evidence of the accused. The HCJ had also analysed the
B defence of the accused. Hence, the conviction of the accused was held to be unsafe and the conviction and sentence against the accused were set aside. The accused was ordered to the acquitted and discharged of the charge.

Kes-kes yang dirujuk:

C *Abdullah Zawawi v. PP [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 SC* ***(dirujuk)***
Adel Muhammed El Dabbah v. Attorney-General Of Palestine [1944] AC 156 ***(dirujuk)***
Alcontara Ambrose Anthony v. PP [1996] 1 CLJ 705 FC ***(dirujuk)***
Amri Ibrahim & Anor v. PP [2017] 1 CLJ 617 FC ***(dirujuk)***
Azrol Nizam Mohd Zaid lwn. PP [2022] 6 CLJ 346 CA ***(dirujuk)***
Balasingham v. PP [1959] CLJU 8; [1959] 1 LNS 8 HC ***(dirujuk)***
D *Bird Dominic Jude v. PP [2014] 4 CLJ 133 FC* ***(dirujuk)***
D A Duncan v. PP [1980] CLJU 12; [1980] 1 LNS 12 FC ***(dirujuk)***
Khalid Mehmood v. PP & Another Appeal [2020] 1 CLJ 683 CA ***(dirujuk)***
Ku Lip See v. PP [1981] CLJU 155; [1981] 1 LNS 155 FC ***(dirujuk)***
Lee Sang Cheah v. Rex [1946] CLJU 45; [1946] 1 LNS 45 ***(dirujuk)***
Lim Chun Jie v. PP & Other Appeals [2022] 3 CLJ 543 CA ***(dirujuk)***
E *Lim Kheak Teong v. PP [1984] 2 CLJ 219; [1984] 1 CLJ (Rep) 207 FC* ***(dirujuk)***
Lim Tan Yi lwn. PP & Satu Lagi Rayuan [2021] 9 CLJ 523 CA ***(dirujuk)***
Mohd Johi Said & Anor v. PP [2005] 1 CLJ 389 CA ***(dirujuk)***
Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***
Periasamy Sinnappan v. PP [1996] 3 CLJ 187 CA ***(dirujuk)***
PP v. Chia Leong Foo [2000] 4 CLJ 649 HC ***(dirujuk)***
F *PP v. Lin Lian Chen [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 SC* ***(dirujuk)***
PP v. Mansor Md Rashid & Anor [1997] 1 CLJ 233 FC ***(dirujuk)***
PP v. Nordin Johan & Anor [1983] 2 CLJ 22; [1983] CLJ (Rep) 345 FC ***(dirujuk)***
Sainal Abidin Mading v. PP [1999] 4 CLJ 215 CA ***(dirujuk)***
Seyedalireza Seyedhedayatollah Ehteshamiardestani v. PP [2014] 4 CLJ 406 CA ***(dirujuk)***
G *Subramaniam Murugan v. PP [2021] 7 CLJ 836 CA* ***(dirujuk)***
Tan Cheng Kooi & Anor v. PP [1972] CLJU 146; [1972] 1 LNS 146 HC ***(dirujuk)***
Teo Geok Fong v. Lim Eng Hock [1996] 3 SLR 431 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, s. 180(1)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 39B(2)
H Evidence Act 1950, ss. 114(g), 134

Bagi pihak perayu - Nik Mohamed Ikhwan Nik Mahamud, Mohd Riza Zakaria & Dhiya Syazwani Izyan Mohd Akhir; T/n Nik Ikhwan & Co
Bagi pihak responden - Atiqah Abdul Karim; TPR

I *[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat PP lwn. Mohammad Syafiq Shah Dahli [2024] CLJU 2345 (ditolak).]*

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Che Mohd Ruzima Ghazali HMR:

Pendahuluan

[1] Perayu, Mohammad Syafiq bin Shah Dahli telah dituduh mengedar dadah berbahaya jenis kanabis seberat 237g pada 31 Mac 2022 lebih kurang pada pukul 11.30 malam di Lebuh Raya WCE Kapar menghala ke arah Klang, satu kesalahan menurut s. 39B(1)(a) dan boleh dihukum menurut s. 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB 1952).

[2] Setelah perbicaraan penuh, perayu telah didapati bersalah oleh Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi (YA HMT) dan dijatuhi hukuman pemenjaraan seumur hidup iaitu selama 30 tahun dari tarikh ditangkap pada 31 Mac 2022 serta dikenakan hukuman sebat sebanyak 12 kali sebatan rotan. Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini.

[3] Untuk memudahkan sebutan pihak-pihak akan disebut sama seperti mana di mahkamah bicara, iaitu orang kena tuduh (OKT) dan pihak pendakwaan (PP).

Fakta Kes PP

[4] Pada 31 Mac 2022 jam lebih kurang 11.30 malam, Koperal Noor Azmi bin Che Soh (SP5) bersama Lans Koperal Shafren Fahmi bin Mazlan (L/K Shafren) yang sedang menjalankan tugas rondaan kereta peronda (MPW) di sekitar Sektor 4 dan 5 di KM 35.6 Lebuh Raya WCE Kapar menghala ke arah Klang (tempat kejadian), telah menahan seorang lelaki Melayu yang dalam keadaan mencurigakan yang sedang memandu kenderaan jenis Hilux warna hitam dengan nombor pendaftaran WTR 9802 (Hilux hitam). Lelaki Melayu tersebut dicamkan sebagai OKT ketika perbicaraan.

[5] Setelah memperkenalkan diri sebagai anggota polis dengan menunjukkan kad kuasa, SP5 telah melakukan pemeriksaan fizikal terhadap OKT. SP5 kemudiannya bertanyakan sama ada OKT ada menyimpan apa-apa barang salah dan OKT telah dengan sendiri mengambil satu paket plastik lut sinar (eksh. P7) berisi ketulan mampat dedaun kering yang disyaki dadah jenis kanabis seberat lebih kurang 255g yang diambil dari atas tempat duduk penumpang bahagian hadapan Hilux hitam yang dinaiki OKT.

[6] SP5 kemudian telah menahan OKT dan membawanya balik ke Balai Polis Sungai Kapar. Barang kes berada dalam kawalan dan simpanan SP5 sehingga sampai di balai polis. SP5 kemudian membuat timbangan barang kes yang dirampas dan membuat penandaan. SP5 seterusnya membuat dua laporan polis berhubung tangkapan terhadap OKT iaitu Repot Polis Bukit Raja nombor 5234/22 (eksh. P19) dan Repot Polis Bukit Raja nombor 5235/22 (eksh. P20). Seterusnya barang kes dan OKT telah diserahkan kepada Inspektor pegawai penyiasat, Rasyidah binti Abdul Razak (SP7) melalui

borang akuan serah/terima barang kes eksh. P22. Semakan seterusnya dilakukan oleh SP7 terhadap Hilux Hitam dan didapati ianya didaftarkan atas nama Power-Gen Engineering (M) Sdn Bhd (PGESB) – (eksh. P11 (1-2)).

[7] Lebih kurang pukul 10.30 pagi 1 April 2022, SP7 bersama SP5 dan juru foto Lans Koperal Mohammad Nizar bin Abd Jamil (SP4) telah pergi melawat di tempat kejadian dan SP4 telah merakam sebanyak empat keping gambar tempat kejadian (eksh. P14 (1-4)). SP7 turut menyediakan rajah kasar tempat kejadian (eksh. P23).

[8] Pada 7 April 2022 lebih kurang pukul 10.15 pagi, SP7 telah menghantar barang-barang kes ke Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya dan barang-barang kes telah diterima oleh ahli kimia, En Abd Rahim bin Ismail (SP1). SP1 telah menjalankan analisis terhadap barang kes dan mendapati ianya ialah dadah berbahaya jenis kanabis dengan berat bersih sebanyak 237g (barang kes). SP1 telah menyediakan laporan kimia (eksh. P8). Pada 15 September 2022, barang kes dan laporan kimia telah diserahkan kepada Inspektor Azmi bin Ahmed (SP3) yang kemudiannya menyerahkan barang kes dan laporan kimia kepada SP7.

Keputusan YA HMT Di Akhir Kes PP

[9] Setelah mendengar keterangan daripada tujuh orang saksi, YA HMT mendapati bahawa PP telah berjaya membuktikan kesemua inti pati pertuduhan terhadap OKT. YA HMT menerima keterangan SP1 yang mengesahkan barang kes yang dirampas ialah dadah jenis kanabis seberat 237g. Untuk inti pati kedua, YA HMT mendapati bahawa OKT bukan sahaja memiliki, tetapi juga mengetahui kewujudan barang kes berdasarkan keterangan SP5 dan juga anggapan undang-undang menurut perenggan 37(d) ADB 1952. Akhirnya, untuk inti pati ketiga, YA HMT mendapati PP telah membuktikan keterangan yang menjurus kepada elemen pengedaran dadah seperti yang didefinisikan menurut s. 2 ADB 1952 iaitu perbuatan OKT ialah kepada perbuatan "concealing, keeping" barang kes tersebut. YA HMT juga berpendapat bahawa daripada jumlah barang kes iaitu dadah jenis kanabis seberat 237g, adalah mustahil ianya untuk kegunaan peribadi OKT kecuali ianya adalah untuk tujuan pengedaran. Oleh itu, YA HMT mendapati dan memutuskan bahawa PP berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT sepertimana yang diperuntukkan menurut sub-s. 180(1) Kanun Tatacara Jenayah. YA HMT memutuskan untuk memanggil OKT membela diri. Tiga pilihan untuk membela diri telah diterangkan kepada OKT.

Pembelaan OKT

[10] OKT memberi keterangan secara bersumpah dari kandang saksi sebagai SD1 dan menyatakan bahawa dia memandu Hilux hitam milik majikannya apabila ditahan oleh polis di Lebuh Raya WCE. OKT mendakwa tidak tahu sebab penahanan dan menyatakan bahawa dua anggota polis telah memeriksa kenderaannya tanpa kehadirannya. Dua anggota polis tersebut

mendakwa bahawa mereka telah menemui satu bungkusan di bawah kerusi penumpang. Dia digari dan polis meletakkan bungkusan tersebut di atas ribanya lalu diambil gambar.

[11] OKT juga mendakwa bahawa polis ada membawanya ke kawasan berhampiran dengan Hospital Columbia dan meminta wang sebanyak RM100,000 untuk menyelesaikan kes pengedaran dadah. OKT telah menghubungi sepupunya, Azmir bin Baharum (SD2) untuk tujuan mendapatkan wang yang diminta oleh polis tetapi SD2 gagal mendapatkan wang yang mencukupi bagi memenuhi permintaan polis.

[12] Dakwaan OKT disokong oleh SD2 dan disertakan dengan bukti panggilan telefon (eksh. IDD27) serta rakaman suara bertarikh 31 Mac 2022 (eksh. IDD28). Di samping itu, OKT turut bergantung kepada surat akuan bersumpah bertarikh 17 Februari 2022 (eksh. D26) dalam pembelaannya.

Keputusan YA HMT Di Akhir Kes Pembelaan

[13] Setelah meneliti semua keterangan pembelaan, YA HMT mendapati bahawa keterangan pembelaan yang diberikan oleh OKT adalah bersifat pemikiran kemudian dan penafian kosong semata-mata. Selaras dengan itu, YA HMT mendapati OKT gagal mematahkan anggapan undang-undang yang terpakai kepada isu pemilikan dan pengetahuan barang kes menurut perenggan 37(d) ADB 1952. OKT juga gagal atas imbangan kebarangkalian untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah bagi menunjukkan dia tidak terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah seperti yang ditakrifkan menurut s. 2 ADB 1952. Oleh itu, YA HMT mendapati OKT gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan PP telah membuktikan kes terhadap OKT melampaui keraguan munasabah.

Rayuan OKT

[14] OKT menyenaraikan 16 alasan rayuan di dalam petisyen rayuan. Namun begitu, semasa berhujah melalui hujahan bertulis dan kemudiannya dibuat penekanan di dalam hujahan secara lisan di hadapan kami, peguam OKT hanya fokus kepada tiga isu utama. Pertama, isu berkaitan dengan pemilikan barang kes yang didakwa diberikan sendiri oleh OKT kepada SP5. Kedua, isu berkenaan dengan dapatan YA HMT di akhir kes pendakwaan yang berkaitan hak OKT membela diri terhadap pembuktian inti pati pertuduhan iaitu pemilikan dan pengedaran barang kes oleh OKT. Ketiga, isu berhubungan dengan penilaian YA HMT terhadap pembelaan yang dikemukakan pihak OKT.

Analisis Dan Dapatan Kami

[15] Prinsip undang-undang berhubung dengan campur tangan mahkamah di peringkat rayuan terhadap keputusan yang diputuskan oleh hakim bicara adalah jelas. Mahkamah di peringkat rayuan secara peraturan amnya tidak akan sewenang-wenangnya mengusik atau mengubah keputusan hakim bicara

berhubung persoalan fakta. Ini kerana hakim bicara mempunyai kelebihan mendengar dan melihat sendiri saksi-saksi yang memberikan keterangan semasa perbicaraan. Lihat di antara lainnya keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Amri Ibrahim & Anor v. PP* [2017] 1 CLJ 617. Namun begitu, terdapat pengecualian kepada peraturan am tersebut. Mahkamah di peringkat rayuan sentiasa diberi kuasa untuk campur tangan dan mesti campur tangan jika ada kesilapan yang serius pada dapatan fakta hakim bicara atau dapatan tersebut bertentangan dengan berat bukti yang ada di hadapannya. Lihat keputusan-keputusan kes *Lee Sang Cheah v. Rex* [1946] CLJU 45; [1946] 1 LNS 45; *Periasamy Sinnappan v. PP* [1996] 3 CLJ 187; [1996] 2 MLJ 557; *Teo Geok Fong v. Lim Eng Hock* [1996] 3 SLR 431; *Sainal Abidin Mading v. PP* [1999] 4 CLJ 215; [1999] 4 MLJ 497; *Mohd Johi Said & Anor v. PP* [2005] 1 CLJ 389; [2005] 5 MLJ 409.

[16] Apabila mahkamah di peringkat rayuan mendapati ada alasan untuk campur tangan terhadap dapatan fakta yang diputuskan oleh hakim bicara, panduan yang diputuskan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *PP v. Nordin Johan & Anor* [1983] 2 CLJ 22; [1983] CLJ (Rep) 345; [1983] 2 MLJ 221 mengenai pendekatan yang perlu diambil sangatlah relevan. Panduan tersebut ialah sepertimana berikut:

> The approach of an appellate court in a case like this is well established. In such a case it is its duty to make up its own mind, not disregarding the judgment appealed from and giving special weight to that judgment in cases where the credibility of the witnesses comes into question but with full liberty to draw its own inference from the facts proved or admitted and to decide accordingly.

Sementara itu, dalam melaksanakan kuasa budi bicara untuk campur tangan di peringkat rayuan, Mahkamah Persekutuan ada membuat pemerhatian sepertimana berikut di dalam kes *Lim Kheak Teong v. PP* [1984] 2 CLJ 219; [1984] 1 CLJ (Rep) 207; [1985] 1 MLJ 38:

> With respect, what Lord Russell of Killowen said in *Sheo Swarup v. King-Emperor* [1934] AIR PC 227 was that although no limitations should be placed on the power of the appellate Court, in exercising the power conferred "the High Court should and will always give proper weight and consideration to such matters" as:
>
> (1) the views of the trial Judge on the credibility of the witnesses;
>
> (2) the presumption of innocence in favour of the accused;
>
> (3) the right of the accused to the benefit of any doubt; and
>
> (4) the slowness of an appellate Court in disturbing a finding of fact arrived at by a Judge who had the advantage of seeing the witnesses.
>
> Lord Reid reiterated this same principle in *Benmax v. Austin Motor Co Ltd* [1955] AC 370 at 375, where he quoted from Lord Thankerton's judgment in *Thomas v. Thomas* [1947] 1 All ER 582 that:

> Where a question of fact has been tried by a Judge without a jury, and there is no question of misdirection of himself by the Judge, an appellate Court which is disposed to come to different conclusion on the printed evidence, should not do so unless it is satisfied that any advantage enjoyed by the trial Judge by reason of having seen and heard the witnesses, could not be sufficient to explain or justify the trial Judge's conclusion.
>
> The learned appellate Judge held that the learned President had "misdirected himself on the explanation of the accused." Given the facts as stated in the appeal record, can it be said that there was a misdirection? Or can it be said that the decision of the learned President was "plainly unsound"? (*Thomas v. Thomas* (*supra*)). On the facts of this case we do not think so.

[17] Satu lagi prinsip undang-undang yang penting dan terpakai kepada mahkamah di peringkat rayuan ialah, suatu rayuan itu merupakan satu kesinambungan atau penerusan perbicaraan daripada mahkamah bicara. Prinsip undang-undang tersebut telah lama diterima mahkamah di negara kita melalui keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Balasingham v. PP* [1959] CLJU 8; [1959] 1 LNS 8; [1959] 1 MLJ 193. Prinsip tersebut telah berulang kali disahkan oleh Mahkamah di Malaysia termasuk keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam *Bird Dominic Jude v. PP* [2014] 4 CLJ 133; [2014] 3 MLJ 745 yang memutuskan sepertimana berikut:

> [21] Furthermore, in the present case, the prosecution has filed a notice of appeal against the acquittal decision of the High Court. On this point it is important to consider that an appeal is a continuation of a trial (See the case of *Balasingham v. PP* [1959] CLJU 8; [1959] 1 MLJ 193). Consequently, the criminal proceedings against the appellant is continued. This gives jurisdiction to the Court of Appeal to rehear the case and decide on the appellant's guilt or innocence in respect of the drug trafficking charge against him.

Berkaitan dengan prinsip undang-undang yang sama, mahkamah ini di dalam kes *Subramaniam Murugan v. PP* [2021] 7 CLJ 836 telah memutuskan sepertimana berikut:

> [47] It is well-settled that an appeal is a continuation of proceedings by way of a re-hearing, and an appeal court may subject the evidence to a critical re-examination and the Court of Appeal is free to determine whether or not the findings of the Sessions Court and the High Court are correct. See *PP v. Azilah Hadri & Anor* [2015] 1 CLJ 579, FC; *Ahmad Najib Aris v. PP* [2009] 2 CLJ 800, FC. Hence, the finding of guilt and conviction by the trial court, and the High Court on appeal, cannot be construed as being final, when there is a pending appeal at the Court of Appeal, which is a continuation of proceedings. Therefore, there is legitimate expectation for anyone with a legal interest in the outcome of the appeal to exhaust the entire appeal process. Thus, to allow the doctrine of abatement on death to bring an appeal to an abrupt end, and hence, leaving the conviction standing without anything more, could cause injustice to persons with such a legal interest or right.

[18] Berbalik kepada rayuan oleh OKT di hadapan kami, peguam OKT di dalam penghujahannya membangkitkan tiga isu utama. Isu pertama berbangkit semasa di peringkat pendakwaan. Isu kedua melibatkan kedua-dua peringkat, pendakwaan dan juga pembelaan. Sementara itu, isu ketiga berbangkit di peringkat pembelaan sekiranya mahkamah tidak bersetuju dengan hujahan peguam OKT bagi isu di peringkat isu pertama dan isu kedua.

Isu Pertama – Isu Pemilikan Barang Kes

[19] Sebagai permulaan, fakta kes yang dibentangkan PP di peringkat pendakwaan sangatlah penting untuk diteliti secara menyeluruh. Tidak dipertikaikan bahawa keterangan berhubung dengan kronologi kejadian hanyalah dinyatakan melalui keterangan oleh SP5. Di dalam pernyataan bertulis yang ditandakan sebagai "PSP5" yang dapat dilihat di ms. 13 hingga 16 di kandungan 6 rekod rayuan (RR), SP5 menyatakan sepertimana berikut:

> Setelah memperkenalkan diri sebagai anggota polis dengan menunjukkan kad kuasa PDRM. Sewaktu pemeriksaan dijalankan terhadap (1) lelaki melayu tersebut, saya ada bertanyakan kepada suspek sama ada dia ada menyimpan apa-apa barang salah atau tidak dan dalam masa yang sama suspek dengan sendirinya telah mengambil (1) paket plastik lut sinar berisi ketulan mampat dedaun kering disyaki dadah jenis ganja (anggaran berat: 255.00 gram) di atas tempat duduk penumpang bahagian hadapan kenderaan motor hilux yang dinaiki olehnya serta saya rampas barang kes tersebut dari tangan kanannya.
>
> ...

Semasa menjawab kepada soalan tambahan oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) ketika perbicaraan, SP5 menyatakan sepertimana berikut:

> S : Bagaimana boleh tahan lelaki itu?
>
> J : Semasa lakukan tugasan rondaan saya ternampak kereta Hilux, L/Kpl Shafren pasang lampu biru untuk berhenti Hilux di tepi jalan. Hilux di depan dan kamu di belakang. Tempat di KM35.6 Lebuhraya WCE Kapar. Saya turun dan pergi ke arah pemandu Hilux dan minta dia turun. Saya periksa badan pemandu Hilux tidak jumpa barang salah. Saya tanya dia sama ada dia ada simpan barang salah. Dia ke arah bahagian penumpang bahagian depan. Lelaki itu ambil satu peket ketulan mampat dengan tangan kanan dan serah pada saya
>
> S : Siapa ekori lelaki itu?
>
> J : L/Kpl Shafren dan saya.

[20] Juga tidak dipertikaikan bahawa SP5 ada membuat dua laporan polis. Pertama, eksh. P19 yang dibuat pada pukul 2.09 pagi 1 April 2022 dan kedua, eksh. P20 yang dibuat hampir dua jam kemudian iaitu pada pukul 3.59 pagi pada hari yang sama. Di dalam eksh. P19, SP5 di antara lainnya

menyatakan "... , semasa hendak jalankan pemeriksaan tubuh badan suspek, saya telah merampas satu peket plastik lutsinar berisi ketulan mampat dedaun kering disyaki dadah jenis ganja (anggaran berat: 255g) yang dipegang oleh suspek dengan menggunakan tangan kanannya. ...". Sementara itu, di dalam eksh. P20 SP5 menyatakan sepertimana berikut:

> Bersabit Bukit Raja RPT: 5234/22 pada 01/4/2022 saya mahu buat penambahan repot berkaitan sewaktu pemeriksaan dijalankan terhadap (1) lelaki melayu tersebut, saya ada bertanyakan kepada suspek sama ada dia ada menyimpan apa-apa barang salah atau tidak dan dalam masa yang sama suspek dengan sendirinya telah mengambil (1) paket plastik lutsinar berisi ketulan mampat dedaun kering disyaki dadah jenis ganja (anggaran berat: 255.00 gram) di atas tempat duduk penumpang bahagian hadapan kenderaan motor Hilux yang dinaiki olehnya serta saya rampas barang kes tersebut dari tangan kanannya.

[21] Daripada keterangan yang dikemukakan oleh SP5 di mahkamah dan juga keterangan kontemporari yang dibuat dan dikemukakan oleh SP5 iaitu eksh. P19 dan P20, jelaslah bahawa ada beberapa persoalan yang perlu diperjelaskan oleh SP5 khususnya dan PP amnya berhubungan dengan penemuan barang kes.

[22] Sekiranya diteliti nota keterangan (NK) yang dapat dilihat di kandungan 6 RR terutamanya pada sesi pemeriksaan balas terhadap SP5 di ms. 47 hingga 51 dan juga di dalam penghujahan yang dikemukakan peguam OKT di akhir kes pendakwaan yang dapat dilihat di ms. 42 hingga 49 di kandungan 8 RR, jelaslah bahawa pihak OKT telah pun membangkitkan isu-isu berkaitan dengan penemuan barang kes semasa di peringkat pendakwaan lagi.

[23] Jika diperhatikan kepada alasan penghakiman (AP) yang disediakan YA HMT, nampaknya tidak ada sebarang analisis dibuat terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh OKT berkaitan dengan penemuan barang kes. Di perenggan [15] AP, YA HMT hanya menerima bulat-bulat keterangan SP5 dan kemudiannya merumuskan bahawa PP telah berjaya membuktikan OKT mempunyai kawalan dan jagaan terhadap barang kes di perenggan [16] AP. Tiada sebarang alasan yang diberikan bagi menjelaskan sebab kenapa beliau meminggirkan isu-isu yang dibangkitkan peguam OKT. Dalam hal ini, kami mendapati bahawa YA HMT telah mengabaikan tanggungjawab kehakimannya untuk memberikan keadilan kepada pihak OKT apabila gagal membuat analisis dan memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap isu-isu yang dibangkitkan.

[24] Atas kegagalan YA HMT menganalisis keterangan berkaitan dengan isu penemuan barang kes yang sudah tentunya akan menentukan isu pemilikan barang kes bagi memenuhi salah satu daripada inti pati penting pertuduhan yang dihadapi OKT, maka kami di peringkat rayuan perlulah meneliti semula kesemua keterangan yang ada di dalam RR bagi merungkai persoalan-persoalan yang dibangkitkan peguam OKT.

[25] Isu pertama yang dibangkitkan peguam OKT di hadapan kami berhubung dengan penemuan barang kes ialah isu kredibiliti SP5. Berkaitan dengan isu ini, keterangan yang diberikan SP5 di mahkamah dan juga laporan polis yang dikemukakan sebagai eksh. P19 dan P20 kami teliti. Menurut SP5, dia dan L/K Shafren yang sedang meronda menggunakan MPV telah terserempak dengan Hilux hitam yang dalam keadaan mencurigakan dan telah mengarahkan OKT berhenti serta mengarahkan OKT keluar untuk diperiksa. SP5 memeriksa badan OKT tetapi tidak jumpa barang salah. Selepas ditanya sama ada dia ada simpan barang salah, OKT pergi ke arah bahagian penumpang hadapan Hilux hitam dan ambil satu peket ketulan mampat dengan tangan kanan dan menyerahnya kepada SP5. Semuanya kejadian disaksikan oleh L/K Shafren.

[26] Semasa disoal balas, SP5 menyatakan pemeriksaan dibuat pada pukul 11.30 malam dan selesai lebih kurang 20 minit kemudian dan OKT berserta barang kes dibawa ke Balai Polis Bukit Raja. SP5 bersetuju bahawa perjalanan ke balai polis mengambil masa 20 minit. Namun begitu, SP5 hanya membuat laporan polis eksh. P19 hanya pada pukul 2.09 pagi 1 April 2022 dan SP5 membuat satu lagi laporan polis tambahan eksh. P20 pada pukul 3.59 pagi hari yang sama, iaitu hampir dua jam kemudian. Selain itu, peguam OKT semasa menyoal balas SP5 juga telah mencadangkan soalan-soalan yang mencabar kredibiliti SP5 berhubung dengan penemuan barang kes. Di antara yang ditanya ialah berkaitan dengan cara pemeriksaan dibuat terhadap OKT, cara barang kes ditemui, masa tangkapan dibuat iaitu pada pukul 9.30 malam dan bukannya pada 11.30 malam, cubaan oleh SP5 untuk mendapatkan wang rasuah sebanyak RM100,000 untuk menyelesaikan kes pengedaran dadah terhadap OKT dan orang yang dihubungi oleh OKT iaitu sepupunya Azmir bin Baharom (SD2) untuk mendapatkan wang rasuah tersebut.

[27] Walaupun SP5 menafikan semua soalan yang berbentuk cadangan tersebut, apa yang jelas ialah pihak peguam OKT telah pun mengemukakan cabaran terhadap kredibiliti SP5 di peringkat kes pendakwaan dan juga membentangkan bentuk pembelaan yang akan dikemukakan sekiranya OKT dipanggil membela diri. Dengan adanya cabaran terhadap keterangan oleh SP5 dan bentuk pembelaan yang dibentangkan peguam OKT di peringkat pendakwaan tersebut, sudah tentulah tidak dapat tidak mana-mana hakim bicara yang bijaksana secara munasabahnya akan membuat analisis yang berbentuk kritikal terhadap keterangan SP5 bagi mencapai satu dapatan yang tepat dan adil.

[28] Setelah diteliti isu berkaitan dengan penemuan barang kes, kami berpandangan bahawa ada dua perkara penting yang perlu dinilai. Pertama, keterangan SP5 semasa perbicaraan dan kedua, keterangan kontemporari yang dikemukakan SP5 iaitu laporan polis eksh. P19 dan P20 serta satu lagi dokumen yang berkaitan iaitu borang senarai bongkar (BSB) eksh. P21.

[29] Berhubungan dengan isu kredibiliti SP5, jika dinilai keterangan semasa perbicaraan, nampaknya keterangan SP5 sangatlah mudah. OKT dikatakan telah diperiksa dan setelah tiada barang salah ditemui pada badannya, SP5 bertanya sama ada OKT memiliki apa-apa barang salah dan OKT terus menuju ke Hilux hitam dan mengambil barang kes di tempat duduk bahagian penumpang Hilux hitam lalu diserahkan kepada SP5 dengan tangan kanannya. Cerita tersebut nampaknya terlalu bagus untuk dipercayai atau terlalu bagus untuk menjadi kenyataan (too good to be true). Secara lumrahnya, orang yang melakukan kesalahan jenayah berat yang boleh dihukum dengan hukuman mati atau pun hukuman pemenjaraan seumur hidup seperti memiliki dadah berbahaya dengan jumlah yang banyak, sudah tentunya akan melakukan apa sahaja untuk menyembunyikan kesalahan yang dilakukan atau pun akan melarikan diri jika ada peluang. Keterangan "too good to be true" sebegitu seharusnya akan mencetus rasa waswas di minda seorang hakim yang munasabah. Oleh itu, pertimbangan yang lebih teliti perlulah dibuat terhadap keterangan sebegitu bagi menyingkirkan sebarang waswas yang timbul atau berkemungkinan akan timbul.

[30] Selain itu, setelah diteliti keterangan semasa perbicaraan di dalam NK, kami mendapati keterangan SP5 juga tidak konsisten. Keterangan di dalam kenyataan bertulis PSP5 dan keterangan semasa menjawab soalan tambahan adalah hampir sama iaitu SP5 periksa badan OKT tetapi tidak jumpa barang salah lalu SP5 tanya OKT sama ada dia ada simpan barang salah lalu OKT terus ke arah bahagian penumpang bahagian depan dan OKT ambil barang kes serta serah dengan tangan kanan kepada SP5. Tiada di mana-mana keterangan sama ada di dalam PSP5 mahupun keterangan semasa menjawab soalan tambahan pada hari perbicaraan yang menyatakan SP5 atau L/K Shafren ada memeriksa Hilux hitam. Semasa disoal balas oleh peguam OKT, SP5 menafikan semua cadangan berkaitan dengan penemuan barang kes hasil pemeriksaan Hilux hitam. Ironinya, SP5 menyatakan dia ada memeriksa Hilux hitam hanya di peringkat pemeriksaan semula. Kami petik keterangan SP5 sepertimana berikut:

Pemeriksaan Semula

S : Bila barang kes dijumpai?

J : Pemeriksaan kereta saya buat OKT serah barang kes bila tanya ada barang salah.

Pada pandangan kami, keterangan SP5 perlulah dinilai dengan lebih teliti dengan wujudnya keterangan yang tidak konsisten tersebut.

[31] Beralih pula kepada perkara kedua iaitu berkenaan dengan keterangan kontemporari yang dikemukakan SP5 iaitu eksh. P19 dan P20. Eksibit P19 ialah laporan maklumat pertama (first information report) SP5 dan P20 ialah penambahan laporan kepada eksh. P19. Walaupun laporan maklumat pertama bukanlah bukti substantif untuk membuktikan sesuatu fakta, tetapi

ia boleh digunakan untuk menyokong sesuatu fakta atau boleh juga menunjukkan adanya percanggahan terhadap sesuatu fakta. Lihat keputusan kes *Tan Cheng Kooi & Anor v. PP* [1972] CLJU 146; [1972] 1 LNS 146; [1972] 2 MLJ 115.

[32] Daripada isi kandungan eksh. P19 dan P20 seperti yang telah dinyatakan di perenggan [20] sebelum ini, kami berpandangan bahawa ada perbezaan ketara di antara kedua-duanya berhubung dengan cara penemuan barang kes. Di dalam eksh. P19, SP5 melaporkan bahawa semasa dia jalankan pemeriksaan pada tubuh badan OKT, SP5 telah merampas barang kes yang dipegang oleh OKT dengan menggunakan tangan kanannya. Sementara itu, di dalam eksh. P20, SP5 menyatakan bahawa dia ada bertanyakan kepada OKT sama ada dia ada menyimpan apa-apa barang salah dan dalam masa yang sama OKT dengan sendirinya telah mengambil barang kes daripada atas tempat duduk penumpang bahagian hadapan Hilux hitam, dan SP5 rampas barang kes tersebut dari tangan kanan OKT. Semasa ditanya kenapa wujud dua laporan polis tersebut, SP5 menyatakan sepertimana berikut:

S : Jelaskan kenapa ada dua repot pada jarak masa berlainan?

J : Setelah baca repot pertama terdapat kekurangan, jadi saya buat satu lagi repot untuk masukkan mana-mana yang tertinggal dalam repot pertama

S : Jelaskan apa yang tertinggal?

J : Saya masukkan apa yang saya tanya suspek, ada simpan barang salah dan suspek ambil barang kes dari atas tempat duduk penumpang hadapan dan saya rampas

Berkaitan dengan perkara yang sama, soalan-soalan yang diajukan peguam OKT semasa menyoal balas SP5 perlulah juga diberikan pertimbangan. Peguam OKT telah bertanyakan tentang perbezaan versi penemuan barang kes di dalam eksh. P19 dan P20.

[33] Selain itu, peguam OKT juga bertanyakan mengenai tempoh masa yang diambil bagi membuat eksh. P19 dan P20. Tidak dipertikaikan bahawa eksh. P19 hanya dibuat kira-kira dua jam setelah SP5 tiba di balai polis dan eksh. P10 juga dibuat kira-kira dua jam selepas eksh. P19. Walaupun bersetuju bahawa ada kelewatan membuat laporan-laporan tersebut, SP5 hanya memberikan sebab adanya masalah sistem semasa membuat report ekshibit P19, itu sahaja. Tiada bukti atau keterangan sokongan lain yang diberikan bagi menjustifikasikan kelewatan tersebut. Perlu diingatkan bahawa adanya soalan-soalan yang dicadangkan kepada SP5 oleh peguam OKT tentang adanya cubaan mendapatkan rasuah bagi menggugurkan tindakan terhadap OKT, yang secara munasabahnya boleh menjadi sebab yang melengahkan eksh. P19 dibuat.

[34] Satu lagi keterangan kontemporari yang sewajarnya diberikan perhatian oleh YA HMT ialah BSB eksh. P21. Di dalam BSB tersebut, SP5 secara jelas mengisi ruangan "tempat dijumpai" dengan perkataan "tangan sebelah kanan". Selain itu, di ruangan "pegawai/anggota yang menjumpai" dicatatkan nama SP5 dan L/K Shafren. Di perenggan 4 BSB turut dicatatkan nama pegawai polis yang hadir semasa pemeriksaan ialah SP5 dan L/K Shafren. Daripada apa yang telah dicatatkan di dalam BSB eksh. P21 tersebut, nampaknya ianya menyokong apa yang dinyatakan SP5 di dalam eksh. P19, iaitu barang kes ditemui di tangan kanan OKT semasa pemeriksaan dijalankan terhadap OKT dan bukannya seperti yang dinyatakan di dalam eksh. P20 iaitu OKT mengambil barang kes di atas tempat duduk penumpang bahagian hadapan Hilux hitam.

[35] Akhirnya, kami juga melihat kepada rajah kasar yang disediakan oleh SP7 dan dikemukakan sebagai eksh. P24. Di dalam NK, eksh. P24 dinyatakan sebagai "rajah kasar tempat dadah dijumpai" iaitu ditandakan pangkah dengan menggunakan dakwat merah di tempat duduk depan sebelah penumpang Hilux hitam. Berhubungan dengan eksh. P24, catatan berkaitan keterangan SP7 di dalam NK ialah sepertimana berikut:

S : Ada disediakan rajah kasar tempat dadah dijumpai?

J : Ada

[SP7 cam rajah kasar tempat dadah dijumpai]

P24 - Rajah kasar tempat dadah dijumpai

(penekanan ditambah)

Kebiasaannya, pegawai penyiasat akan membuat penandaan sama sepertimana yang dinyatakan oleh pengadu. Oleh itu, SP7 yang tidak berada di tempat kejadian sudah tentulah akan bergantung kepada apa yang di beritahu SP5 semasa membuat penandaan. Berasaskan keterangan kontemporari tersebut, nampaknya ada banyak kecelaruan pada keterangan SP5 berhubung dengan penemuan barang kes. Apa yang digambarkan SP7 di dalam eksh. P24 yang sudah tentulah maklumatnya datang daripada SP5 tidak selari dengan keterangan yang diberikan SP5 semasa perbicaraan.

[36] Berasaskan kepada keadaan-keadaan yang berbangkit daripada fakta-fakta yang telah kami nyatakan tersebut timbul persoalan sama ada PP telah mengemukakan cukup keterangan pada tahap penilaian secara maksimum bagi membuktikan inti pati penting pertuduhan iaitu isu pemilikan barang kes oleh OKT? Kami berpandangan bahawa dengan adanya keterangan yang berbentuk "too good to be true" serta adanya keterangan yang tidak konsisten oleh SP5 berkaitan dengan penemuan barang kes dan ditambah lagi dengan adanya perbezaan versi di dalam dua laporan polis eksh. P19 dan P20 dan juga apa yang dicatatkan di dalam P21 yang gagal diberikan penjelasan yang memuaskan oleh SP5, pastinya akan timbul keraguan yang munasabah di minda seorang hakim yang membuat penilaian di akhir kes pendakwaan.

[37] Kami seterusnya berpandangan bahawa PP sepatutnya memanggil keterangan sokongan yang mampu menyingkirkan keraguan yang berbangkit daripada keterangan SP5. Walaupun PP berhak untuk memilih saksi mana yang hendak dipanggil untuk mengemukakan keterangan dan menurut s. 134 Akta Keterangan 1950, tiada bilangan tertentu saksi diperlukan untuk membuktikan sesuatu fakta, perlulah ditekankan bahawa PP menanggung beban untuk membuktikan kesnya terhadap OKT tanpa sebarang keraguan yang munasabah. Tanpa keterangan sokongan, sebarang keraguan yang munasabah akan memihak kepada OKT. Lihat di antara lainnya keputusan Majlis Privy yang sering kali dirujuk oleh mahkamah di negara kita di dalam kes *Adel Muhammed El Dabbah v. Attorney-General Of Palestine* [1944] AC 156, keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Abdullah Zawawi Omar v. PP* [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19; [1985] 2 MLJ 16 (kes *Abdullah Zawawi Omar*) dan keputusan mahkamah ini di dalam kes *Azrol Nizam Mohd Zaid lwn. PP* [2022] 6 CLJ 346.

[38] Daripada keterangan, jelaslah bahawa ada seorang saksi lagi yang boleh dipanggil untuk menutup kelompangan pada keterangan SP5. Menurut keterangan SP5 sendiri, dia dan L/K Shafren sentiasa bersama-sama semasa membuat pemeriksaan dan melakukan tangkapan terhadap OKT. Untuk memudahkan rujukan, kami petik keterangan SP5 berkaitan dengan penglibatan L/K Shafren semasa menjawab soalan tambahan yang ditanya TPR sepertimana berikut:

S : Bagaimana boleh tahan lelaki itu?

J : Semasa lakukan tugasan rondaan saya ternampak kereta Hilux, L/Kpl Shafren pasang lampu biru untuk berhenti Hilux di tepi jalan. Hilux di depan dan kamu di belakang. Tempat di KM35.6 Lebuhraya WCE Kapar. Saya turun dan pergi ke arah pemandu Hilux dan minta dia turun. Saya periksa badan pemandu Hilux tidak jumpa barang salah. Saya tanya dia sama ada dia ada simpan barang salah. Dia ke arah bahagian penumpang bahagian depan. Lelaki itu ambil satu peket ketulan mampat dengan tangan kanan dan serah pada saya.

S : Siapa ekori lelaki itu?

J : L/Kpl Sharren dan saya.

...

S : Siapa nampak OKT serah barang pada kamu?

J : L/Kpl Shafren.

S : Berapa jarak dia dengan kamu dan OKT?

J : Bersebelahan saja.

...

S : Rujuk para 6 PSP 5 - Semasa timbang barang kes, di mana OKT dan L/Kpl Shafren? A

J : Bersebelahan.

Bukan itu sahaja, nama L/K Shafren turut dicatatkan di perenggan 4 BSB eksh. P21 sebagai pegawai polis yang hadir semasa pemeriksaan dan di dalam butiran selepas perenggan 5 nama L/K Shafren juga dicatatkan sebagai pegawai/anggota yang menjumpai barang kes. B

[39] Daripada keterangan tersebut, kami berpendapat bahawa L/K Shafren ialah seorang saksi penting yang dapat memperbaiki segala kekurangan atau sekurang-kurangnya dapat memberikan pencerahan kepada fakta yang masih samar-samar berbangkit daripada keterangan SP5. Kegagalan PP memanggil L/K Shafren boleh membawa dua kesan mudarat kepada kes pendakwaan. Pertama, PP terlepas peluang untuk membawa keterangan sokongan yang boleh menyingkirkan segala keraguan yang munasabah pada keterangan SP5. Kedua, inferens yang bertentangan menurut s. 114 misalan (g) Akta Keterangan 1950 (AK 1950) boleh dibangkitkan oleh Mahkamah. C D

[40] Prinsip undang-undang berhubungan dengan pemakaian inferens yang bertentangan menurut s. 114 misalan (g) AK 1950 adalah jelas. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *PP v. Mansor Md Rashid & Anor* [1997] 1 CLJ 233; [1996] 3 MLJ 560 (kes *Mansor Md Rashid*) telah memutuskan seperti mana berikut: E

> Much had been canvassed before us respecting the drawing of adverse inference under s. 114(g) of the Evidence Act 1950 from the non-calling of Cholar and Amran. Whether or not such an inference should be drawn is not a matter of an inflexible rule but depends upon the circumstances of each particular case. In determining this issue, the question to consider is whether the existence of a fact or a state of things (*ie*, Cholar introducing PW9 and was present the meetings; Amran staying in room 'K') makes the existence of another fact or state of things so likely that it may be presumed to exist. The answer must naturally vary according to the circumstances, the nature of the fact required to be proved and its importance in the controversy, the usual and commonly recognised mode proving it, the nature, quality and cogency of the evidence which had not been produced and its accessibility to the party concerned. F G

Berkaitan dengan skop pemakaian inferens yang bertentangan menurut s. 114 misalan (g) AK 1950 pula, Mahkamah Agung di dalam kes *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221; [1987] 1 MLJ 492 telah memutuskan sepertimana berikut: H

> ... It is essential to appreciate the scope of s. 114(g) lest it be carried too far outside its limit. Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely I

A on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document, but material document by a party in his possession, or for non-production of not just any witness but an important and material witness to the case.

Sementara itu, di dalam kes *PP v. Chia Leong Foo* [2000] 4 CLJ 649 (kes *Chia* B *Leong Foo*) Augustine Paul HMT (beliau ketika itu) ada membuat pemerhatian berikut:

... It is well settled that in a criminal case prosecuting counsel, provided there is no wrong motive, has a discretion as to whether or not to call any particular witness and in particular has a discretion not to call in C support of his case a witness whom he does not believe to be a witness of truth (see *Khoon Chye Hin v. PP* [1961] CLJU 41; [1961] 1 LNS 41; [1961] MLJ 105). But there is an obligation on the prosecution to call as witnesses persons whose evidence is essential to unfold the narrative upon which its case is based (see *Seneviratne v. R* [1936] 3 All ER 36). Thus, as Abdul Hamid CJ (Malaya) (as he then was) said in *Teoh Hoe Chye* D *v. PP* [1987] CLJ 386; [1987] 1 MLJ 220 at p. 229:

Nevertheless, the decision whether to call or not to call a witness including a witness from whom a statement has been taken is always the right of the prosecution (*Abdullah Zawawi v. PP* [1985] CLJ 19; [1985] 2 MLJ 16). Insofar as the trial court is concerned, its duty is essentially E to decide whether on the evidence before it the prosecution has proved its case, and if there are unsatisfactory features in the prosecution case to determine whether, in the light of such features, the prosecution case fell short of proof beyond reasonable doubt (*Abdullah Zawawi*'s case, supra).

F Thus, the question to be asked in each case is whether the prosecution has proved its case even without calling some other witnesses who are available. An adverse inference cannot be drawn for failure to call a witness when the prosecution has discharged its burden (see *Namasiyiam & Ors v. PP* [1987] CLJ 241; [1987] 2 MLJ 336; *Kadir Awang v. PP* [1989] CLJU 94; [1989] 1 LNS 94; [1989] 2 MLJ 33; *Jazuli Mohsin v. PP* [1990] 1 CLJ 915 (refd); [1990] 2 MLJ 190; *Lim Young Sien v. PP* [1994] 2 SLR G 257). ...

[41] Berbalik kepada rayuan OKT, kami berpandangan bahawa PP seharusnya dapat mengesan kekurangan atau keraguan yang ada pada keterangan SP5 berdasarkan cabaran yang dibangkitkan melalui soalan balas H oleh peguam OKT terhadap SP5. PP sepatutnya memanggil L/K Shafren untuk memastikan versi penemuan barang kes yang diutarakan SP5 tidak tergugat. Ini kerana L/K Shafren sentiasa bersama SP5 semasa penemuan barang kes berdasarkan keterangan SP5 sendiri. Adalah menjadi kewajipan yang terletak di bahu PP untuk memanggil mana-mana saksi yang keterangannya penting untuk merungkai naratif yang menjadi asas kesnya I (lihat keputusan kes *Chia Leong Foo*). PP juga tidak boleh hanya menawarkan L/K Shafren kepada pihak pembelaan untuk mengelak pemakaian inferens

yang bertentangan menurut s. 114 misalan (g) AK 1950 (lihat keputusan kes *Abdullah Zawawi Omar*). Kegagalan PP memanggil L/K Shafren menimbulkan spekulasi iaitu sama ada versi penemuan barang kes yang diberikan oleh SP5 betul-betul berlaku sepertimana yang dinyatakan dalam keterangannya ketika perbicaraan, atau mungkin ada versi lain yang mungkin memihak kepada OKT. Dalam keadaan sebegitu, kami mendapati bahawa inferens yang bertentangan menurut s. 114 misalan (g) AK 1950 (lihat keputusan kes *Mansor Md Rashid*) dan faedah kepada inferens tersebut sudah tentulah perlu diputuskan memihak kepada OKT.

[42] Berdasarkan alasan-alasan yang telah kami nyatakan tersebut, kami mendapati dan memutuskan bahawa isu pertama iaitu isu mengenai penemuan barang kes yang boleh menentukan inti pati penting pertuduhan iaitu pemilikan barang kes tidak memihak kepada PP. Sebaliknya, pihak OKT berjaya menimbulkan keraguan terhadap versi penemuan barang pada hari kejadian.

Isu Kedua-isu Dapatan YA HMT Di Akhir Kes Pendakwaan

[43] Peguam OKT berhujah bahawa YA HMT telah terkhilaf semasa membuat dapatan dan keputusan di akhir kes pendakwaan. Kekhilafan tersebut memudaratkan kerana ianya melibatkan dapatan terhadap inti pati penting pertuduhan iaitu soal pemilikan dan pengedaran barang kes. Selain itu, YA HMT tinggi juga dikatakan gagal memberikan petunjuk yang betul kepada OKT di akhir kes pendakwaan ketika OKT dipanggil membela diri. Tanpa petunjuk tersebut, OKT diletakkan dalam keadaan kesamaran semasa memberikan keterangan membela diri, iaitu sama ada setakat hanya menimbulkan keraguan atau perlu mengemukakan pembelaan atas neraca imbangan kebarangkalian apabila berdepan dengan anggapan menurut undang-undang.

[44] Setelah diteliti AP, kami mendapati bahawa hujahan peguam OKT berhubung dengan isu kedua juga bermerit. Kami berpandangan bahawa YA HMT tidak konsisten dalam dapatannya di akhir kes pendakwaan. Di perenggan [20] AP, YA HMT merujuk kepada keterangan kedekatan (proximity) barang kes dengan OKT di dalam Hilux hitam dan perbuatan terang-terangan (overt act) OKT yang kelihatan terkejut dan takut semasa diperiksa bagi mendapati OKT ada pengetahuan pada barang kes. Kemudiannya di perenggan [21] AP, YA HMT merujuk kepada penggunaan tunggal Hilux hitam oleh OKT pada masa ditahan bagi mengecuadlikan orang lain daripada kawalan dan jagaan serta pengetahuan pada barang kes, dan setelah mengambil kira barang kes yang tidak disembunyikan, YA HMT membuat inferens yang menunjukkan OKT ada pengetahuan pada barang kes.

[45] Ironinya, setelah membuat semua analisis yang menjurus kepada dapatan berasaskan keterangan langsung terhadap isu pemilikan barang kes oleh OKT, YA HMT juga membuat dapatan bahawa PP telah berjaya

membuktikan inti pati pemilikan berdasarkan anggapan undang-undang menurut perenggan 37(d) ADB 1952 untuk menunjukkan OKT ada pengetahuan pada barang kes. Untuk memudahkan rujukan, diperturunkan keseluruhan perenggan [26] AP sepertimana berikut:

> [26] Setelah Mahkamah mendengar keterangan saksi-saksi dan meneliti hujah pihak-pihak, Mahkamah memutuskan selepas penilaian maksimum dibuat atas keterangan saksi-saksi pendakwaan, pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie* bahawa dadah yang dijumpai bersama OKT merupakan dadah berbahaya sepertimana yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952, OKT mempunyai milikan ke atas dadah yang dijumpai berdasarkan keterangan terus pihak pendakwaan dan wujudnya anggapan di bawah Seksyen 37(d) ADB 1952 yang menunjukkan pengetahuan OKT ke atas dadah yang ditemui bersamanya dan ianya juga terjumlah kepada aktiviti pengedaran sepertimana yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta yang sama. (penekanan kami tambah)

[46] Kami mendapati wujud kecelaruan yang sangat serius dalam dapatan yang diputuskan oleh YA HMT di peringkat akhir kes pendakwaan berdasarkan apa yang dinyatakan di perenggan [26] AP. Kecelaruan tersebut menimbulkan prejudis kepada OKT kerana ianya akan melibatkan tahap pembelaan yang perlu dikemukakan kemudiannya. Sekiranya OKT dipanggil membela diri berasaskan keterangan terus, dia hanya perlu menimbulkan keraguan kepada kes PP. Sebaliknya, jika OKT dipanggil membela diri berasaskan kepada anggapan oleh undang-undang, dia perlu melepaskan beban pembuktian pembelaan atas neraca imbangan kebarangkalian, suatu beban yang lebih berat untuk dilepaskan. Sudah tentulah, kecelaruan dapatan di akhir kes PP tersebut terjumlah kepada salah arahan yang tidak boleh dipulihkan kerana ianya akan memberikan impak yang besar kepada pertimbangan YA HMT di akhir kes pembelaan. Lihat keputusan mahkamah ini di dalam kes-kes *Seyedalireza Seyedhedayatollah Ehteshamiardestani v. PP* [2014] 4 CLJ 406; *Khalid Mehmood v. PP & Another Appeal* [2020] 1 CLJ 683; *Lim Tan Yi lwn. PP & Satu Lagi Rayuan* [2021] 9 CLJ 523; dan juga keputusan Mahkamah Tinggi di dalam kes *Chia Leong Foo*.

[47] Berkaitan dengan isu kedua ini, analisis kami tidak terhenti setakat apa yang dinyatakan oleh YA HMT di dalam AP beliau sahaja. Kami juga telah meneliti NK dan apa yang dicatatkan sebagai keputusan YA HMT di mahkamah terbuka di akhir kes pendakwaan yang dapat dilihat di ms. 64 kandungan 6 RR ialah sepertimana berikut:

Mahkamah:

1. Mahkamah memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT, oleh itu OKT dipanggil untuk membela diri di bawah pertuduhan ini.

2. Tiga pilihan dibacakan dan diterangkan kepada OKT. OKT faham dan ingin memberikan keterangan bersumpah dari kandang saksi.

3. Pihak pembelaan mempunyai tiga orang saksi. Saksi yang ditawarkan pendakwaan dilepaskan kecuali pemilik syarikat, Mohd Lutfi Bin Kamal.

4. Tarikh sambung bicara di peringkat pembelaan ditetapkan pada 1.7.2024 dan 15.7.2024 jam 10.00 pagi.

Nampaknya, NK tidak selari dengan apa yang ditulis oleh YA HMT di dalam AP beliau. Daripada NK, jelaslah bahawa YA HMT tidak langsung menyatakan asas dapatannya di akhir kes PP. Keputusan yang dibuat YA HMT hanyalah dengan menyatakan bahawa PP telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT, itu sahaja.

[48] Daripada apa yang tercatat di dalam NK tersebut, timbul persoalan sama ada YA HMT ada menyatakan di dalam mahkamah terbuka akan dapatannya di akhir kes pendakwaan seperti apa yang ditulis di dalam AP. Lumrahnya, apa yang dicatatkan di dalam NK ialah apa yang telah dibacakan oleh YA HMT. Ini kerana apa yang dibacakan akan terakam dalam sistem rakaman audio video di dalam mahkamah terbuka dan transkripsi rakaman tersebutlah akan jadikan Nk yang dilampirkan di dalam RR.

[49] Dalam hal ini, kami berpandangan bahawa tiada tafsiran atau siratan lain yang boleh diberikan kepada apa yang dicatatkan secara jelas di dalam NK. Menurut NK, YA HMT tidak langsung menyatakan sama ada anggapan undang-undang yang perlu disangkal pada tahap imbangan kebarangkalian terpakai kepada kes pembelaan OKT. Berasaskan apa yang dicatatkan di dalam NK tersebut, sudah tentunya tiada arahan yang jelas diberikan oleh YA HMT kepada OKT di akhir kes pendakwaan. Dengan itu, hak OKT untuk mendapat makluman awal tentang perihal pembelaannya telah diprejudiskan. OKT diletakkan dalam keadaan tertanya-tanya sama ada perlu hanya menimbulkan keraguan terhadap kes PP atau pun perlu menunjukkan suatu pembelaan yang boleh diterima oleh mahkamah atas imbangan kebarangkalian bagi mematahkan anggapan menurut undang-undang. Kami mendapati bahawa ketiadaan arahan tersebut terjumlah kepada satu salah arahan yang serius.

[50] Seperkara lagi, kami juga terpanggil untuk menyentuh dapatan YA HMT di akhir kes PP berkaitan dengan persoalan sama ada wujudnya keterangan bagi membuktikan elemen pengedaran barang kes oleh OKT. Di perenggan [23] AP, YA HMT mendapati bahawa PP telah membuktikan elemen pengedaran dadah berbahaya menurut s. 2 ADB 1952 dengan merujuk kepada perbuatan "concealing, keeping" barang kes oleh OKT di dalam Hilux hitam. Dapatan tersebut jelas bercanggah dengan dapatan YA HMT sebelumnya yang mendapati bahawa barang kes telah diserahkan sendiri oleh OKT setelah ditanya SP5 dan barang kes tersebut diambil OKT

dari tempat duduk hadapan Hilux hitam. Sementelahan lagi, tiada apa-apa keterangan daripada mana-mana saksi PP yang menunjukkan bahawa OKT telah menyorok atau menyimpan barang kes di dalam Hilux hitam bagi memenuhi kehendak tafsiran "mengedar" iaitu "concealing, keeping" barang kes seperti yang diputuskan oleh YA HMT. Oleh itu, timbul tanda tanya bagaimana YA HMT memutuskan bahawa PP berjaya membuktikan elemen pengedaran berasaskan kepada perbuatan "concealing, keeping" barang kes oleh OKT.

[51] Berasaskan apa yang telah dinyatakan tersebut, kami mendapati bahawa isu kedua juga memihak kepada OKT. Kami berpandangan bahawa telah wujud kecelaruan atau ketidaktentuan arahan dalam dapatan dan keputusan YA HMT yang telah memprejudiskan hak OKT untuk mendapatkan perbicaraan yang adil.

[52] Dengan itu, isu pertama dan isu kedua ternyata memihak kepada OKT dan OKT sepatutnya tidak dipanggil membela diri.

Isu Ketiga – Pembelaan

[53] Berdasarkan kepada dapatan kami sebelum ini, kami telah memutuskan bahawa OKT tidak sepatutnya dipanggil membela diri. Namun begitu, bagi melengkapkan penghakiman, kami akan turut mengupas isu-isu yang berbangkit di peringkat pembelaan OKT.

[54] Untuk memulakan kupasan, kami merujuk kepada sebahagian daripada dapatan yang dicapai YA HMT di perenggan [33] AP sepertimana berikut:

> [33] Setelah meneliti semua keterangan pembelaan OKT, Mahkamah ini mendapati bahawa keterangan pembelaan yang diberikan adalah bersifat pemikiran kemudian dan penafian kosong semata-mata yang gagal membangkitkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. ...

Nyatanya, ada dua alasan mengapa YA HMT menolak pembelaan yang dikemukakan OKT. Pertama, keterangan pembelaan OKT bersifat fikir semula atau pemikiran selepas itu (afterthought) dan kedua, ianya bersifat penafian kosong semata-mata (bare denial).

[55] Prinsip undang-undang berkaitan dengan pembelaan yang bersifat fikir semula adalah jelas. Suatu pembelaan yang bersandarkan kepada suatu fakta tertentu seharusnya diletakkan seawal mungkin atau pada peluang paling awal perbicaraan iaitu di peringkat kes pendakwaan lagi. Sekiranya suatu fakta pembelaan itu hanya didedahkan di peringkat membela diri, ianya sudah dianggap terlewat dan akan dianggap sebagai pembelaan yang difikirkan semula. Walaupun pembelaan tersebut masih perlu diberikan pertimbangan oleh mahkamah, pemberatan timbangan untuk pembelaan sedemikian sudah tentunya tidak sama berbanding pembelaan yang telah

diletakkan seawal mungkin. Rasional kepada prinsip undang-undang tersebut ialah sepertimana yang dinyatakan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *PP v. Lin Lian Chen* [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285; [1992] 2 MLJ 561 sepertimana berikut:

> Indeed, it behoves the defence to do so (to put its case at the earliest possible stage) for we need hardly say that if a defence is sprung in court for the first time when the accused makes his defence from the witness box or the dock, so that the prosecution is taken by surprise, the accused runs the risk of being criticized for keeping his defence 'up his sleeve' so to speak, and it branded as a recent invention.

Prinsip undang-undang yang sama telah diguna pakai di antara lainnya oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Alcontara Ambrose Anthony v. PP* [1996] 1 CLJ 705; [1966] 1 MLJ 209, yang memutuskan bahawa peletakan awal kes pembelaan semasa di peringkat kes pendakwaan akan bertindak sebagai pemakluman awal kepada PP dan juga mahkamah yang sudah tentulah tujuan utamanya ialah untuk mengelak elemen kejutan.

[56] Selain daripada itu, kami juga berpandangan bahawa keterangan pembelaan yang bersifat fikiran semula bolehlah dikategorikan sebagai keterangan yang mempunyai nilai yang rendah dan boleh dipertikaikan kebenarannya. Ini kerana, pembelaan yang dikemukakan terlalu lewat sudah tentunya akan menghalang peluang atau pun melucutkan hak saksi-saksi yang telah memberikan keterangan terlebih dahulu di peringkat pendakwaan untuk menjawab atau membuat ulasan terhadap kesahihan pembelaan yang dikemukakan. Ada kemungkinannya, jika pembelaan yang terlewat itu dikemukakan kepada saksi-saksi peringkat pendakwaan, saksi berkenaan dapat membuktikan pembelaan yang dikemukakan tersebut adalah tidak benar.

[57] Berbalik kepada rayuan OKT di hadapan kami, setelah diteliti NK, kami berpandangan bahawa dapatan oleh YA HMT yang mendapati pembelaan OKT bersifat fikiran semula, tidaklah berasas. Nampaknya, YA HMT tidak memahami atau tidak dapat menghayati prinsip undan-gundang yang diguna pakai oleh beliau sendiri. Daripada NK, jelaslah bahawa peguam OKT telah pun meletakkan fakta-fakta pembelaan OKT semasa SP5 dan SP7 disoal balas. Isu berkaitan dengan cara penemuan barang kes oleh SP5 dan L/K Shafren dan isu yang berkaitan dengan permintaan rasuah oleh SP5 serta kaitan sepupu OKT iaitu SD2 yang berusaha menyediakan wang rasuah yang diminta oleh SP5 melalui mel suara telefon bimbit telah diletakkan melalui pertanyaan kepada SP5. Isu berkenaan penggunaan Hilux hitam milik PGESB yang juga boleh digunakan oleh pekerja lain PEGSB, isu yang berkaitan dengan permintaan rasuah oleh SP5 serta peranan SD2 dan isu akuan bersumpah eksh. D26 yang disediakan OKT juga telah pun

dibangkitkan melalui soalan kepada SP7 di peringkat kes pendakwaan. Oleh itu, kami mendapati bahawa dapatan YA HMT yang menyatakan pembelaan OKT bersifat fikiran semula adalah satu salah arahan yang memberi prejudis kepada pembelaan OKT.

[58] Beralih pula kepada dapatan kedua YA HMT iaitu keterangan pembelaan OKT bersifat penafian semata-mata. Sekali lagi, hasil penelitian kami pada NK, nampaknya YA HMT tidak memahami prinsip undang-undang yang diputuskan oleh beliau sendiri. Dari segi prinsip undang-undang, pembelaan penafian semata-mata merujuk kepada pembelaan yang hanya menafikan dakwaan pihak pendakwaan tanpa memberikan sebarang penjelasan atau bukti lanjut untuk menyokong penafian tersebut. Penafian semata-mata secara amnya dianggap tidak mencukupi untuk menimbulkan keraguan yang munasabah kepada kes pendakwaan. Di dalam kes *Lim Chun Jie v. PP & Other Appeals* [2022] 3 CLJ 543, mahkamah ini telah memutuskan sepertimana berikut:

> [133] We do not agree with learned counsel for the second appellant. It is trite that a bare denial is when the accused did not offer any explanation to the charge and merely denied the evidence of the prosecution. The defence of bare denial is no defence. Hence, it cannot be said that the learned trial judge had imposed a higher burden than what is legally required against the appellants in the present case.
>
> [134] This court in *Losali v. PP* [2012] 2 CLJ 178; [2011] 4 MLJ 694 (CA) made the following observation:
>
> > [54] The learned trial judge rightly held that the defence of the appellant was a bare denial. **It is trite law that the defence of bare denial is no defence.** What this amount to is this. **That the appellant did not offer any explanation to the two charges and merely denied the evidence advanced by the prosecution.** That was indeed a perilous course to undertake.
>
> [135] As correctly pointed out by the learned Deputy, the trial judge had analysed the appellants' defence thoroughly before coming to the above conclusion, as can be seen in the subsequent part of the learned trial judge's grounds of judgment. (emphasis added)

Lihat juga keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *D A Duncan v. PP* [1980] CLJU 12; [1980] 1 LNS 12; [1980] 2 MLJ 195 dan kes *Ku Lip See v. PP* [1981] CLJU 155; [1981] 1 LNS 155; [1982] 1 MLJ 194.

[59] Berbalik kepada kes di peringkat pembelaan, selain daripada OKT, pihak pembelaan juga memanggil saksi SD2 untuk menyokong keterangan OKT. Apabila ada keterangan sokongan yang dikemukakan untuk menyokong kewujudan sesuatu fakta pembelaan, maka pada pandangan kami tidak wujud lagi pembelaan yang berbentuk penafian semata-mata. Apa yang

perlu dilakukan YA HMT dalam situasi sebegini ialah, beliau perlulah membuat analisis terhadap pembelaan yang dikemukakan dan membuat dapatan sama ada pembelaan yang dikemukakan tersebut berupaya menimbulkan keraguan kepada kes pihak pendakwaan atau sebaliknya.

[60] Setelah diteliti AP yang disediakan YA HMT, sebenarnya beliau ada membuat analisis terhadap pembelaan yang dikemukakan OKT seperti yang dapat dilihat di perenggan [28] hingga perenggan [32] AP. Sebab kenapa beliau menolak pembelaan OKT juga ada dinyatakan di perenggan-perenggan tersebut. Oleh itu, kesimpulan yang dinyatakan YA HMT di perenggan [33] AP iaitu pembelaan OKT bersifat penafian semata-mata ternyata silap dan tidak perlu. Kesilapan YA HMT tersebut boleh menyebabkan prejudis terhadap OKT untuk mendapatkan suatu pertimbangan yang adil sekiranya OKT dipanggil membela diri.

Kesimpulan

[61] Berdasarkan alasan-alasan yang kami nyatakan tersebut, kami mendapati bahawa sabitan yang diputuskan YA HMT tidak selamat untuk kami sahkan. Dengan itu kami membenarkan rayuan OKT. Kami mengetepikan sabitan dan hukuman yang diputuskan oleh YA HMT dan kami memerintahkan supaya OKT dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan.